

# Kes bunuh di pangsapuri Sg Tapang, dua suspek direman lima hari lagi

**KUCHING:** Tahanan reman ke atas dua suspek kes bunuh seorang pemuda berumur 22 tahun di kompleks pangsapuri berpagar di Jalan Sungai Tapang, Kota Sentosa di sini pada 1 Disember lalu dilanjutkan lima hari lagi sehingga 27 Disember ini.

Penolong pendaftar Mahkamah Tinggi Kuching Nursyaheeqa Nazwa Radzali memerintahkan demikian ke atas suspek kelima dan keenam kes itu yang masing-masing berusia 32 dan 43 tahun selepas tempoh reman mereka sebelum ini tamat semalam.

Difahamkan, tahanan reman bagi suspek keempat, 48, juga telah dilanjutkan untuk tujuh hari lagi iaitu sehingga 28 Disember 2024, susulan tempoh reman ke atasnya sebelum ini tamat kelmarin.

Suspek keempat sebelum ini direman enam hari,



**REMAN LANJUT:** Kedua-dua suspek diiringi pegawai polis ketika berada di Kompleks Mahkamah Kuching, semalam.

manakala suspek kelima dan keenam direman tujuh hari. Kesemua suspek ditahan

bagi membantu siasatan polis ke atas kes di bawah Seksyen 302 Kanun Keseksaan.

Menurut sumber, suspek keempat dan kelima telah diberkas di pekarangan Mahkamah Kuching pada 14 Disember 2024, manakala suspek keenam ditahan di Balai Polis Kota Sentosa pada hari sama.

Terdahulu, tiga lelaki berusia 22 hingga 25 tahun, ditahan reman bagi membantu siasatan tetapi telah dibebaskan dengan bon RM15,000 dengan seorang penjamin tempatan setiap seorang (suspek) berikutan permohonan polis mengikut Seksyen 118 Kanun Tatacara Jenayah pada 10 Disember 2024.

Pada 1 Disember 2024, polis menerima panggilan sekitar jam 4.40 pagi memaklumkan berlaku pertenggaran di kompleks pangsapuri itu.

Setibanya di tempat kejadian, polis mendapati mangsa maut ditetak di salah sebuah bilik unitnya.